

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
UNDANG-UNDANG KECIL KAWALAN DAN PENYELIAAN TEMPAT-TEMPAT MAKAN
(LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN) (PINDAAN) 2020

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

Phg. P.U. 29 [Pindaan 2020]

UNDANG-UNDANG KECIL KAWALAN DAN PENYELIAAN TEMPAT-TEMPAT MAKAN (LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN) (PINDAAN) 2020

Dibuat pada **17 Disember 2020** (Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail)

Disahkan pada **21 Disember 2020** (Syed Ahmad Khirulanwar Alyahya bin Syed Abdul Rahman)

BAHAGIAN I
PERMULAAN

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

Phg. P.U. 6

UNDANG-UNDANG KECIL KAWALAN DAN PENYELIAAN TEMPAT-TEMPAT MAKAN (LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN) 2005

Dibuat pada **28 Oktober 2004** (Dato' Sri Haji Adnan bin Haji Yaakob)

Disahkan pada **19 Januari 2005** (Nashruddin bin Md. Salim)

2. Tafsiran
3. Larangan tempat makan tanpa lesen

BAHAGIAN II
PERUNTUKAN-PERUNTUKAN AM UNTUK SEMUA TEMPAT MAKAN

4. Kehendak-kehendak am untuk bangunan
5. Kebersihan
6. Cuma satu gred saja yang boleh dijalankan
7. Pengecualian
8. Tempat tinggal yang bersih
9. Najis tidak dibenarkan dibawa masuk ke tempat makan
10. Bekalan air panas
11. Besen mencuci tangan
12. Tempat mencuci tangan dan pemasangan

BAHAGIAN III
KEHENDAK-KEHENDAK KHAS UNTUK TEMPAT MEMBUAT ROTI

13. Meja dan lain-lain hendaklah dibersihkan
14. Penganti udara
15. Keadaan di tempat membuat roti
16. Langkah-langkah keselamatan semasa di tempat membuat roti
17. Tidur di tempat membuat roti dan lain-lain dilarang

BAHAGIAN IV

KEHENDAK-KEHENDAK KHAS UNTUK KEDAI MAKAN DAN KEDAI KOPI

18. Penudung yang tidak dimasuki lalat
19. Tidur di bilik makan dilarang
20. Meja disediakan
21. Api yang digunakan untuk memasak dan sebagainya
22. Langkah-langkah kesihatan am yang mesti dipenuhi

BAHAGIAN V

KEHENDAK-KEHENDAK KHAS UNTUK TEMPAT PEMERAHAN SUSU

23. Kebersihan tempat pemerahan susu
24. Bekas untuk menjual susu
25. Pembersihan bekas susu
26. Bekas-bekas jangan digunakan untuk minum
27. Kebersihan semasa pemerahan
28. Penyakit di premis pemerahan susu
29. Penalti

Phg. P.U. 29 [Pindaan 2020]

UNDANG-UNDANG KECIL KAWALAN DAN PENYELIAAN TEMPAT-TEMPAT MAKAN (LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN) (PINDAAN) 2020

Dibuat pada **17 Disember 2020** (Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail)

Disahkan pada **21 Disember 2020** (Syed Ahmad Khirulanwar Alyahya bin Syed Abdul Rahman)

Undang-Undang Kecil Baharu

30. Kegagalan mematuhi syarat lesen
31. Merampas barang
32. Mengkompaunan kesalahan
33. Tempoh dan pembaharuan lesen
34. Pembayaran balik deposit

Phg. P.U. 6

UNDANG-UNDANG KECIL KAWALAN DAN PENYELIAAN TEMPAT-TEMPAT MAKAN (LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN) 2005

Dibuat pada **28 Oktober 2004** (Dato' Sri Haji Adnan bin Haji Yaakob)

Disahkan pada **19 Januari 2005** (Nashruddin bin Md. Salim)

JADUAL

AKTA KERAJAAN TEMPATAN

UNDANG-UNDANG KECIL KAWALAN DAN PENYELIAAN TEMPAT-TEMPAT MAKAN (LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN) (PINDAAN) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini membuat undang-undang kecil yang berikut:

BAHAGIAN I PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Kawalan dan Penyeliaan Tempat-Tempat Makan (Lembaga Pembangunan Tioman) (Pindaan) 2020**.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada **1 April 2019**.

Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

“**Lembaga**” ertinya Lembaga Pembangunan Tioman yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Enakmen Lembaga Pembangunan Tioman 1997 [Enakmen No.7 tahun 1997];

“**makanan**” termasuklah minuman;

“**susu**” termasuklah krim atau apa-apa cecair yang berupa sebagai susu atau krim yang bertujuan untuk penjualan untuk kegunaan manusia atau untuk kegunaan di dalam pengilangan hasil untuk jualan untuk kegunaan manusia;

“**tempat makan**” ertinya mana-mana tempat di mana makanan disediakan, dikilang, dibungkus, ditinkan, dibotolkan, distor, dijual atau didedahkan untuk jualan bagi kegunaan manusia;

“**tempat pemerahan susu**” termasuklah mana-mana ladang, kandang lembu, kandang kambing, stor susu atau kedai susu atau tempat lain di mana atau dari mana susu disimpan atau dibekalkan untuk jualan, dan dalam hal penjaja susu yang tidak menduduki apa-apa premis untuk menjual susu, termasuklah tempat di mana dia menyimpan alat-alat yang digunakan untuk menjual susu, tetapi tidak termasuk kedai di mana susu tidak dibekalkan melainkan dalam bekas tertutup kemas dan belum dibuka di mana susu dijual untuk kegunaan di premis itu sahaja;

“**Timbalan Yang Dipertua**” ertinya Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Tioman;

“**Yang Dipertua**” ertinya Pengerusi Lembaga Pembangunan Tioman dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua.

Larangan tempat makan tanpa lesen

3. (1) **Tiada** suatu pun premis di dalam Kawasan Lembaga Pembangunan Tioman **boleh digunakan sebagai tempat makan melainkan setelah dilesen** oleh Lembaga bagi maksud itu.

(2) Fi yang dikenakan bagi sesuatu lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah seperti yang ditetapkan dalam **Jadual**.

BAHAGIAN II PERUNTUKAN-PERUNTUKAN AM UNTUK SEMUA TEMPAT MAKAN

Kehendak-kehendak am untuk bangunan

4. (1) **Dinding** mana-mana premis yang dilesen di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah **disudahi dengan permukaan yang licin yang senang dan cepat dibersihkan** tanpa unjuran-unjuran atau segi yang mungkin memungut habuk.

(2) **Lantai** hendaklah diperbuat daripada **bahan yang tahan dan tidak telap air, disudahi dengan licinnya dan digred** supaya semua cecair boleh mengalir ke dalam longkang dengan senangnya.

(3) **Longkang** hendaklah dibina dari **batu-bata yang dialas dengan simen yang baik** dengan setengah bulatan di bawahnya dengan **garis pusatnya** hendaklah **tidak kurang daripada enam inci** dan hendaklah mencukupi bilangan dan cerunan supaya semua air dan lain-lain cecair senang mengalir. Longkang-longkang itu kecuali jika menyeberangi jalan kaki lima, hendaklah ditutup dengan bahan yang tetap atau perkakas yang berat. **Tiada** longkang atau paip untuk hujan lebat atau mandi atau najis atau kekotoran **boleh diadakan selain daripada betul-betul dibina untuk tujuan tersebut** yang diadakan melalui premis itu.

(4) **Tiada bilik rehat, tempat tidur, sekatan atau lantai bertingkat dibenarkan** di bahagian mana-mana premis yang digunakan untuk mana-mana tujuan di mana lesen dikehendaki di bawah Undang-Undang Kecil ini kecuali dengan keizinan bertulis daripada Yang Dipertua.

(5) **Lantai di tingkat atas** hendaklah diperbuat daripada simen konkrit atau lantai yang berlidah dan berlurah atau bersambung dengan cara lain supaya air tidak tirus.

(6) Air bersih hendaklah sentiasa ada di premis dan hendaklah didapati dari bekalan air awam.

(7) Pemegang lesen hendaklah di waktu yang tertentu yang diarahkan oleh Pegawai Kesihatan, mengalih dari premis yang dilesen semua barang mudahalih, dan menyebabkan dinding, lantai-lantai, siling-siling atau bumbung dibersihkan dan semua kekotoran dan sampah dibuang, seluruh premis dibersihkan dengan betul atau dicat, dan semua pembaikan yang perlu dibuat untuk premis, pemasangan dan perlengkapan-perengkapan.

Kebersihan

5. Pemegang lesen mana-mana premis di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah mematuhi kehendak-kehendak berikut –
 - (a) dia hendaklah menyebabkan **semua sampah** dikumpul dan diletakkan di dalam bekas-bekas yang bertutup yang diadakan untuk tujuan tersebut, dan hendaklah menyebabkan bekas-bekas tersebut dikosongkan dan dibersihkan selalu jika perlu supaya premis itu berada dalam keadaan bersih dan baik, sekurang-kurangnya sekali sehari;
 - (b) dia hendaklah menyebabkan **lantai premis** yang dilesen dibasuh dan dibersihkan sekurang-kurangnya sekali setiap hari dan **dinding-dindingnya** hendaklah berada dalam keadaan yang bersih;
 - (c) tiada alat-alat untuk tidur atau pakaian dibenarkan bergantung atau disimpan di mana-mana tempat makan;
 - (d) mana-mana **pekerja** di mana-mana tempat makan yang dilesen di bawah Undang-Undang Kecil ini dan bekerja dalam **persiapan atau memasak makanan** hendaklah pada setiap masa bekerja memakai **pakaian yang bersih, menggunakan apron dan menutup rambut.**

Cuma satu gred saja yang boleh dijalankan

6. Yang Dipertua boleh menggunakan budibicaranya untuk **tidak membenarkan lesen** dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini bagi mana-mana premis yang telah dilesen untuk **menjual daging dan ikan segar.**

Pengecualian

7. Yang Dipertua boleh menggunakan budibicaranya untuk mengecualikan tempat-tempat makan sementara atau di dalam hal keadaan yang istimewa mana-mana tempat makan yang lain, daripada mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

Tempat tinggal yang bersih

8. (1) Pemegang lesen tempat makan hendaklah menyediakan tempat tinggal yang bersih yang cukup untuk kegunaan pekerja-pekerjanya di premis itu. Tempat tinggal itu hendaklah dipisahkan di antara lelaki dan perempuan.
- (2) Tandas yang cukup hendaklah disediakan untuk pekerja-pekerja tempat makan.

Najis tidak dibenarkan dibawa masuk ke tempat makan

9. Tiada seorang pun boleh membawa, menempatkan atau melalui mana-mana tempat makan apa-apa najis atau apa-apa bekas untuk air kecil atau air besar.

Bekalan air panas

10. Melainkan jika dikecualikan oleh Yang Dipertua, sistem air panas yang secukupnya hendaklah diadakan di setiap tempat makan untuk membekalkan air panas dengan secukupnya dan berterusan untuk semua tempat membasuh dan lain-lain alat yang digunakan untuk membasuh bekas-bekas, perkakas-perkakas dan alat-alat lain.

Besen mencuci tangan

11. Pemegang lesen tempat makan hendaklah menyediakan besen mencuci tangan dengan secukupnya **untuk kegunaan orang-orang yang terlibat dalam persiapan, perkilangan atau penjualan makanan** dan hendaklah berada dalam keadaan baik pada setiap masa. Setiap besen mencuci tangan hendaklah disediakan dengan sabun, berus, tuala bersih atau alat pengering.

Tempat mencuci tangan dan pemasangan

12. Pemegang lesen tempat makan hendaklah mengadakan dengan secukupnya **tempat mencuci makan, pemasangan yang bersih dan alat-alat yang cukup** untuk membolehkan semua alat dan perkakas yang digunakan berkaitan dengan tempat makan itu dibersihkan secukupnya dan **sentiasa berada di dalam keadaan bersih**.

BAHAGIAN III

KEHENDAK-KEHENDAK KHAS UNTUK TEMPAT MEMBUAT ROTI

Meja dan lain-lain hendaklah dibersihkan

13. Tiap-tiap pemegang lesen tempat membuat roti hendaklah menyebabkan semua meja yang digunakan untuk membakar dan tiap-tiap alat yang digunakan untuk membakar dan tiap-tiap meja, rak atau benda lain yang digunakan untuk meletak roti, kek, biskut atau benda-benda makanan yang lain di dalam atau di atasnya hendaklah dibasuh dengan sepenuh-penuhnya dan dibersihkan **sekurang-kurangnya sekali setiap hari**.

Pengganti udara

14. Tiap-tiap pemegang lesen tempat membuat roti hendaklah **mengadakan pengganti udara** yang cukup di tempat membuat roti itu yang memuaskan hati Yang Dipertua dan hendaklah menyebabkan pengganti udara itu **dijaga di dalam keadaan yang baik** dan boleh digunakan.

Keadaan di tempat membuat roti

15. Tiap-tiap tempat membakar roti di mana terletaknya oven membakar hendaklah dibina dari **bahan yang tidak dimakan api**, yang memuaskan hati Yang Diperta dan diletakkan di tempat di mana **tiada terdapat gangguan udara dan tidak menyebabkan kacau ganggu atau bahaya** kepada premis yang berhampiran.

Langkah-langkah keselamatan semasa di tempat membuat roti

16. (1) **Tiada** tempat di tingkat yang sama dengan tempat membakar roti dan menjadi sebahagian daripada bangunan yang sama, boleh digunakan **untuk tempat tidur atau untuk memasak makanan**.

(2) Tiada bilik rehat boleh berhubung terus dengan tempat membakar roti.

(3) Besen pembasuh hendaklah tidak ditempatkan di dalam bilik-bilik di mana pembakaran roti dijalankan.

(4) Apabila memindahkan roti dari tempat membakar, semua roti hendaklah dibungkus dengan betul di dalam bungkusan yang ditutup rapi dan ia hendaklah jangjan bersentuhan dengan apa-apa kertas atau bahan lain yang tidak bersih.

(5) Walaupun semua roti, kek, biskut dan lain-lain makanan dibungkus rapi, ia hendaklah **jangan diletakkan di atas lantai** tetapi diletak di atas meja, di dalam dulang atau rak atau lain-lain tempat yang sesuai.

(6) Peruntukan yang cukup dan berpatutan hendaklah dibuat di mana-mana tempat membuat roti untuk penerimaan dan penyimpanan roti yang telah dibakar.

(7) Tepung dan bahan-bahan lain hendaklah disimpan di dalam bekas atau stor yang tidak boleh dimasuki tikus.

Tidur di tempat membuat roti dan lain-lain dilarang

17. Tiada seorang pun boleh dibenarkan duduk, berdiri, berbaring atau tidur di atas meja atau rak di mana-mana tempat membuat roti.

BAHAGIAN IV KEHENDAK-KEHENDAK KHAS UNTUK KEDAI MAKAN DAN KEDAI KOPI

Penudung yang tidak dimasuki lalat

18. Tiap-tiap pemegang lesen kedai makan atau kedai kopi hendaklah, jika dikehendaki oleh Yang Dipertua, menyediakan **penudung atau almari yang tidak dimasuki lalat** untuk semua bahan makanan untuk jualan dan ia hendaklah sentiasa digunakan di kedai makan atau kedai kopinya.

Tidur di bilik makan dilarang

19. Pemegang lesen kedai makan atau kedai kopi hendaklah tidak membenarkan bilik makan awam digunakan sebagai tempat tidur.

Meja disediakan

20. Meja hendaklah disediakan untuk kegunaan pelanggan-pelanggan. Permukaan meja hendaklah diperbuat daripada marmar atau kaca atau kayu di mana atasnya dialas dengan formika atau lain-lain bahan yang diluluskan oleh Yang Dipertua.

Api yang digunakan untuk memasak dan sebagainya

21. **Tiada kayu api atau arang boleh digunakan** untuk memasak atau memanaskan makanan di tempat menghidang atau bilik makan di premis di mana orang awam boleh masuk, tetapi gas atau pemanas elektrik boleh digunakan.

Langkah-langkah kesihatan am yang mesti dipenuhi

22. Tiada premis atau tempat boleh digunakan sebagai kedai makan atau kedai kopi melainkan dengan **memenuhi syarat-syarat berikut** –

(a) **lantai** kedai makan atau kedai kopi hendaklah disudahi dengan **mozaic atau terrazzo kecuali** kedai makan dan kedai kopi **separuh kekal atau yang berbentuk gerai** dan hendaklah berada dalam **keadaan bersih** pada setiap masa;

- (b) dinding bilik makan, bilik untuk menghidang dan tempat lain seperti yang dikehendaki oleh Yang Dipertua hendaklah diperbuat daripada tail yang dibakar di mana tingginya **tidak kurang daripada 5 kaki**. Di dalam kes di mana **kedai makan atau kedai kopi berhawa dingin**, dindingnya bolehlah ditampal dengan panel kayu atau apa-apa bahan yang permukaannya licin yang diluluskan oleh Yang Dipertua;
- (c) besen untuk membasuh tangan hendaklah disediakan dengan secukupnya untuk kegunaan pelanggan;
- (d) dinding bilik mandi, tandas dan bilik air hendaklah dilengkapi dengan tail yang dibakar di mana tingginya **tidak kurang daripada lima kaki** dan lantainya hendaklah **disudahi dengan mozaic dan terrazzo**;
- (e) tandas dan bilik air dengan pam tarik automatik untuk kegunaan pelanggan hendaklah diadakan dengan secukupnya dan ia hendaklah dibersihkan dan berada dalam keadaan baik pada setiap masa. Sekurang-kurangnya satu tandas khas untuk lelaki dan satu lagi untuk perempuan hendaklah disediakan;
- (f) dapur hendaklah disediakan dengan **corong keluar asap dan cerobong** dan **dinding** hendaklah diperbuat daripada tail yang dibakar di mana **tingginya tidak kurang dari 5 kaki**. **Lantai dapur** hendaklah disudahi dengan **mozaic** atau dengan bahan lain yang memuaskan hati Yang Dipertua;
- (g) perkakas-perkakas, pinggan mangkuk atau bekas-bekas lain tidak boleh dibasuh di tempat menghidang, kakilima, jalan belakang, jalan tepi atau merentangi longkang. Semua tempat membasuh perkakas dan pinggan mangkuk hendaklah **disediakan dengan sinki pembasuh dan tempat membuang air kotor** di dalam premis;
- (h) **tiada botol kosong** dibenarkan bertelagokan atau disimpan di tempat menghidang atau bilik makan;
- (i) **tiada permainan judi** boleh diadakan atau dijalankan di mana-mana bahagian premis;
- (j) tiada makanan yang dimasak untuk jualan dibenarkan **diletak di atas lantai** di mana-mana bahagian premis;
- (k) tiap-tiap bahagian premis termasuk tempat tinggal, pasangan dan perkakas-perkakas di kedai makan atau di kedai kopi hendaklah berada di dalam keadaan **bersih dan baik** pada setiap masa; dan
- (l) **pinggan mangkuk, barang-barang kaca atau perkakas-perkakas lain** yang digunakan untuk penyediaan atau penggunaan makanan hendaklah berada di dalam keadaan **bersih dan baik pada setiap masa** dan hendaklah sejak masa terakhir sekali penggunaannya –
- (i) dibasuh bersih dan direndam di dalam air yang mendidih tidak kurang daripada 5 minit; atau
- (ii) dibasuh bersih dengan mesin; dan

- (iii) kecuali diperlukan segera untuk kegunaan seterusnya, disimpan di dalam almari yang tidak boleh dimasuki habuk, serangga dan bubuk.

BAHAGIAN V KEHENDAK-KEHENDAK KHAS UNTUK TEMPAT PEMERAHAN SUSU

Kebersihan tempat pemerahan susu

23. (1) Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah menyebabkan tiap-tiap bahagian mana-mana tempat pemerahan susu yang didudukinya **dibersihkan sepenuhnya dari semasa ke semasa jika perlu** untuk menentukan supaya tempat pemerahan susu ini berada di dalam **keadaan bersih pada setiap masa** hingga memuaskan hati Yang Dipertua. Ia hendaklah diberus dan dicat putih atau dicat bila-bila dikehendaki oleh Yang Dipertua.

(2) Pemegang lesen hendaklah menyebabkan **lantai** di setiap tempat pemerahan susu **dibersihkan sepenuhnya** dan semua najis dan lain-lain benda mengganggu hendaklah sentiasa dibuang tetapi, tidak kurang daripada sekali sehari.

(3) Pemegang lesen **tidak boleh meletak atau menyimpan susu** di mana-mana bilik yang digunakan sebagai bilik rehat.

Bekas untuk menjual susu

24. Tiada susu boleh dihantar untuk jualan atau pengedaran dalam bekas yang terbuka. Bekas yang digunakan **hendaklah disediakan dengan penutup rapi dan dikunci dan disalur di bahagian bawahnya** di mana susu akan dijual kepada pelanggan. Jika susu dijual di dalam tin atau botol hendaklah disediakan dengan penutup yang sesuai.

Pembersihan bekas susu

25. Tiap-tiap **bekas atau alat yang digunakan** hendaklah dibersihkan sepenuhnya (setelah digunakan) dengan air bersih yang mendidih atau wap dan hendaklah berada di dalam keadaan bersih pada setiap masa.

Bekas-bekas jangan digunakan untuk minum

26. Pemegang lesen hendaklah **tidak membenarkan** mana-mana orang minum daripada **mana-mana bekas yang digunakan** untuk penjualan susu.

Kebersihan semasa pemerahan

27. Pemegang lesen hendaklah tidak menyebabkan mana-mana binatang kepunyaannya atau di bawah peliharaannya diperah kecuali semasa **pemerahan dijalankan binatang tersebut berada dalam keadaan bersih sepenuhnya** mengikut piawaian yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan.

Penyakit di premis pemerahan susu

28. (1) Adalah menjadi **tanggungjawab** tiap-tiap pemegang lesen untuk mengambil langkah berjaga-jaga yang sepatutnya untuk menentukan kewujudan penyakit di premis pemerahan susu dan **menentukan sama ada penyakit itu berjangkit atau menular** dan dia akan **dianggap mengetahui tentang wujudnya penyakit itu kecuali** dan sehingga ia dapat **menunjukkan bahawa dia tidak dapat mengetahuinya dengan cara yang munasabah.**

(2) **Tiada** pemegang lesen boleh **membenarkan mana-mana orang** yang **menghidapi atau membawa penyakit berjangkit atau menular atau yang baru berhubung dengan orang yang berpenyakit** sedemikian tinggal atau masuk ke premisnya atau pemerah susu mana-mana binatang atau mengendalikan mana-mana bekas yang digunakan untuk pemerahan susu atau mengambil bahagian di dalam apa cara jua pun di dalam menjalankan tred itu.

(3) Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah, apabila mana-mana orang yang tinggal di rumahnya atau berada di premisnya menghidapi apa-apa penyakit berjangkit, **memberi notis segera secara bertulis** kepada Yang Dipertua.

(4) Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah **mengambil langkah yang patut dan betul berkaitan dengan pengendalian, penyimpanan dan pagedaran susu** untuk mengelakkan terdedahnya susu kepada penyakit atau pencemaran.

(5) Jika pada bila-bila masa **penyakit berjangkit** atau menular yang merbahaya kepada binatang atau manusia atau mana-mana penyakit di ambing (udder) **wujud di kalangan lembu pemegang lesen atau binatang-binatang lain** yang bersangkutan dengan lembu pemegang lesen, dia hendaklah **dengan segera memberitahu** Yang Dipertua.

(6) **Susu binatang yang berpenyakit** atau mana-mana binatang yang berhubung atau mempunyai kaitan dengan binatang yang berpenyakit di mana susunya pada pendapat Yang Dipertua telah dicemar atau berkemungkinan akan cemar hendaklah:

(a) jangan dicampurkan dengan susu lain;

(b) jangan dijual sebagai makanan manusia;

(c) jangan dijual atau digunakan sebagai makanan untuk binatang lain melainkan dengan kebenaran Yang Dipertua.

(7) Jika Yang Dipertua berpendapat bahawa **penyakit-penyakit berjangkit** telah disebabkan atau mungkin **disebabkan oleh penggunaan susu-susu yang dibekalkan** daripada mana-mana tempat pemerahan susu, ataupun kesihatan awam telah atau mungkin dibahayakan oleh mana-mana tindakan atau kelalaian mana-mana pemegang lesen, dia boleh **membuat perintah bertulis memberhentikan pembekalan, pagedaran atau penjualan susu itu** dan mana-mana pemegang lesen yang menduduki atau menggunakan tempat pemerahan susu yang mana perintah tersebut telah dibuat hendaklah jangan selepas itu menjual atau menawarkan untuk jualan mana-mana susu yang dihasilkan daripada tempat pemerahan susu itu **selama perintah tersebut berkuat kuasa.**

Penalti

29. Mana-mana orang yang **tanpa lesen** menubuhkan atau menggunakan mana-mana premis atau membenarkan untuk ditubuhkan atau digunakan premis itu **untuk mana-mana tujuan yang dinyatakan dalam Jadual** kepada Undang-Undang Kecil ini adalah melakukan kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan **denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya** dan juga **denda seterusnya** yang **tidak melebihi dua ratus ringgit bagi tiap-tiap hari semasa** kesalahan itu diteruskan.

Kegagalan mematuhi syarat lesen

30. (1) Lembaga boleh **menggantung atau membatalkan lesen** yang diberikan di bawah Undang-Undang Kecil ini jika berlaku **kegagalan mematuhi** mana-mana syarat lesen seperti yang dinyatakan dalam Undang-Undang Kecil ini.

Dengan syarat bahawa Lembaga tidak boleh menggantung atau membatalkan sesuatu lesen melainkan jika pemegang lesen telah diberi peluang membuat apa-apa representasi bertulis yang mahu dibuatnya dalam tempoh **empat belas (14) hari** –

- (a) dari tarikh notis pemakluman penggantungan atau pembatalan lesen **ditampal di premis pemegang lesen**; atau
- (b) dari tarikh **penerimaan notis** penggantungan atau pembatalan oleh pemegang lesen.

(2) Jika Lembaga berpendapat bahawa representasi bertulis yang diterima daripada pemegang lesen menghendaki penjelasan lanjut, maka Lembaga boleh menghendaki pemegang lesen supaya memberikan penjelasan lanjut dalam tempoh sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga.

Setelah menimbangkan representasi pemegang lesen itu dan jika penjelasan lanjut telah diberikan, Lembaga telah berpuas hati bahawa pemegang lesen itu telah melanggar mana-mana terma, syarat atau peruntukan lesen, Lembaga boleh –

- (a) **menggantung** lesen itu dalam tempoh **empat belas (14) hari** dari tarikh Lembaga menerima penjelasan lanjut daripada pemegang lesen; atau
- (b) **membatalkan** lesen itu mulai dari suatu tarikh sebagaimana yang dinyatakan oleh Lembaga.

(3) Lembaga hendaklah **memberitahu pemegang lesen** tentang butir-butir alasan yang berasaskannya lesen itu dicadangkan akan digantung atau dibatalkan –

- (a) dengan **menampal suatu salinan notis** itu di tempat yang mudah dilihat di premis berlesen itu; atau
- (b) dengan **menyampaikan suatu salinan notis** itu kepada pemegang lesen.

(4) Keputusan Lembaga untuk menggantung atau membatalkan lesen adalah muktamad. Keputusan penggantungan atau pembatalan lesen hendaklah disampaikan kepada pemegang lesen melalui cara yang sama sebagaimana di perenggan (3).

Merampas barang

31. (1) Jika seseorang disabitkan atas sesuatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini, Mahkamah boleh memerintahkan supaya dirampas –
- (a) kesemua atau sebahagian daripada barang yang menjadikan kesalahannya; atau
 - (b) mana-mana barang lain harta kepunyaan orang yang dituduh itu yang digunakan olehnya untuk melakukan kesalahan itu atau yang telah dicadangkan hendak digunakan bagi melakukan sesuatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Pengkompunan kesalahan

32. (1) Jika seseorang melakukan suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini, Lembaga boleh dengan izin Timbalan Pendakwa Raya **mengkompunkan mana-mana kesalahan** yang dilakukan di bawah Undang-Undang Kecil ini. Lembaga **boleh menetapkan kadar bayaran kompaun tidak melebihi amaun denda maksimum** bagi peruntukan kesalahan tersebut, sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(2) Jika Lembaga berniat hendak mengkompaun sesuatu kesalahan, Lembaga hendaklah **memberikan notis secara bertulis tentang niatnya** untuk berbuat demikian kepada orang itu dan boleh menyampaikan notis itu melalui apa-apa cara yang difikirkan patut dan notis itu hendaklah juga **menyatakan** –

- (a) **tarikh** dan **tempat** berlakunya kesalahan itu dan **kesalahan** yang dilakukan;
- (b) **jumlah wang** yang hendaklah dibayar untuk mengkompaun kesalahan itu; dan
- (c) **tarikh** selewat-selewatnya jumlah wang itu **hendaklah dibayar**.

(3) Jika orang itu bersetuju supaya kesalahan itu dikompoun, dia **hendaklah mengaku melakukan kesalahan** itu dan hendaklah **membayar jumlah wang** yang dinyatakan itu selewat-selewatnya pada tarikh yang dinyatakan dan berikutan dengan itu, Lembaga hendaklah **membuat suatu perintah** menyatakan bahawa kesalahan itu telah dikompoun dan perintah itu hendaklah juga, **mutatis mutandis**, mengandungi butir-butir yang dinyatakan dalam perenggan 2(a), (b) dan (c).

Tempoh dan pembaharuan lesen

33. (1) Sesuatu lesen melainkan jika digantung atau dibatalkan terlebih awal **hendaklah sah sehingga 31 Disember** setiap tahun.
- (2) Sesuatu lesen boleh diperbaharui apabila Lembaga berpuas hati bahawa pemohon telah **menjelaskan bayaran lesen pada kadar yang ditetapkan** oleh Lembaga dan mematuhi kehendak Undang-Undang Kecil ini.
- (3) Sesuatu permohonan untuk memperbaharui lesen bagi tahun berikutnya hendaklah dibuat **tidak lewat dari tiga bulan sebelum tempoh sah tamat**.

(4) Kelewatan menjelaskan bayaran lesen dalam tempoh tiga bulan tersebut boleh dikenakan **denda sebanyak 20 peratus daripada jumlah fi lesen tahunan** yang dikenakan.

Pembayaran balik deposit

34. (1) Lembaga boleh, sebelum mengeluarkan sesuatu lesen atau pada bila-bila masa selepas itu, menghendaki pemegang lesen itu membuat suatu deposit dalam apa-apa jumlah wang sebagaimana yang ditentukan olehnya untuk memastikan bahawa syarat atau sekatan lesen itu dan peruntukan Undang-Undang Kecil ini dipatuhi dengan sewajarnya.

(2) Lembaga boleh melucuthakkan **keseluruhan atau sebahagian** daripada deposit itu jika dia berpuas hati bahawa **telah berlaku pelanggaran** mana-mana syarat atau sekatan lesen itu atau pelanggaran mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

**JADUAL
UNDANG-UNDANG KECIL 3 (2)
FI LESEN**

		Bayaran Lesen Setahun	
		Kawasan Lama RM	Kawasan Baru RM
(a)	i. Kedai makan/kopi, restoran bar susu/snack, kantin, 'coffee house' dan lain-lain:		
	(i) di mana kawasan lantainya 1,000 kaki persegi atau lebih	180.00	126.00
	(ii) di mana kawasan lantainya lebih daripada 750 kaki persegi tetapi kurang daripada 1,000 kaki persegi	120.00	84.00
	(iii) di mana kawasan lantainya kurang daripada 750 kaki persegi	80.00	56.00
	ii. Kantin sekolah/cafeteria/tuckshop		
	Sekolah Rendah:		
	(i) mempunyai 600 murid atau kurang	25.00	10.00
	(ii) mempunyai lebih daripada 600 murid	50.00	20.00
	Sekolah Menengah:		
	(i) mempunyai 600 murid atau kurang	72.00	10.00
	(ii) mempunyai lebih daripada 600 murid	84.00	20.00
(b)	Katerer Makanan	120.00	84.00
(c)	Perusahaan 'vermicilli noodles' mee meehon, kuay teow dan pastri yang dibuat daripada gandum, beras atau tepung kacang	120.00	84.00
(d)	Roti, biskut dan lain-lain hasil roti	120.00	84.00
(e)	Kek-kek termasuk kek kacang	120.00	84.00
(f)	Konfeksionari	120.00	84.00
(g)	Kilang minyak termasuk kilang minyak bijan	180.00	126.00
(h)	Kilang tepung termasuk rempah, perasa kari dan beras	180.00	126.00
(i)	Kilang merendang kopi dan kilang serbuk kopi	120.00	84.00
(j)	Persiapan atau perusahaan minyak dan lemak boleh dimakan, termasuk minyak sapi, minyak babi, lemak yang dimasak, minyak kelapa sawit dan minyak kacang	180.00	126.00
(k)	Pembungkusan makanan termasuk the, minyak dan makanan lain-lain	120.00	84.00
(l)	Persiapan, pembungkusan pengedaran atau jualan makanan-makanan yang belum dimasak	120.00	84.00
(m)	Mengetin, membotol atau membungkus mana-mana makanan di dalam bekas yang ditutup rapi	252.00	240.00
(n)	Penapisan gula termasuk gula melaka	360.00	336.00

		Bayaran Lesen	
		Setahun	
		Kawasan	Kawasan
		Lama	Baru
		RM	RM
(o)	Persiapan atau perusahaan air 'aerated', 'carbonated', 'flavoured', 'medicanal', atau 'mineral'	252.00	240.00
(p)	Persiapan atau perusahaan air buah-buahan termasuk 'cordial', perasa esen dan sirap	252.00	240.00
(q)	Persiapan untuk jualan daging dan hasil daging, ikan dan hasil ikan termasuk memanggang babi, itik dan daging	120.00	84.00
(r)	(i) Kilang aiskrim	210.00	210.00
	(ii) Kilang ais	252.00	240.00
(s)	Perusahaan sos dan cuka termasuk pembotolan	180.00	126.00
(t)	Persiapan dan perusahaan acar, buah-buahan dan sayur-sayuran masin	60.00	42.00
(u)	Persiapan dan perusahaan hasil sayur dan daging	120.00	84.00
(v)	Kilang coklat	360.00	252.00
(w)	Perusahaan 'medistil', mengkompaun, pembotolan minuman keras termasuk beer dan stout	360.00	252.00
(x)	Perusahaan minuman (beverages)	360.00	252.00
(y)	Perusahaan, persediaan atau pembungkusan perisa makanan, pelazat makanan dan penambahan makanan	120.00	84.00
(z)	Persiapan dan pengeluaran		
	(i) Jam dan agar-agar	120.00	84.00
	(ii) Susu dan krim	360.00	252.00
	(iii) Susu tepung	360.00	252.00
	(iv) Telur asin dan serbuk telur	120.00	84.00
	(v) Makanan yang dicampur susu dengan atau serbuk telur	120.00	84.00
	(vi) Sagu dan ubi kayu dan hasil-hasil dari bahan tersebut	120.00	84.00
	(vii) Mana-mana hasil yang boleh dimakan yang diperbuat dari kacang soya, kacang tanah, kelapa dan bijan di mana terlibat dalam proses selain dari dijemur dan dimasak	120.00	84.00
	(viii) Mentega, keju dan marjerin	120.00	84.00
(ix) Mentega kacang	120.00	84.00	
(aa)	Gerai di dalam Kawasan kedai kopi	20.00	14.00
(bb)	Pengedar atau agen aiskrim dan atau minuman ringan di dalam botol	120.00	84.00

		Bayaran Lesen Setahun	
		Kawasan Lama RM	Kawasan Baru RM
(cc)	Jualan kandi, gula-gula, biskut, kek dan aiskrim termasuk aiskrim dan mesina:		
	(i) di mana kawasan lantainya melebihi 750 kaki persegi	150.00	105.00
	(ii) di mana kawasan lantainya lebih dari 500 kaki persegi tetapi kurang dari 750 kaki persegi	100.00	70.00
	(iii) di mana kawasan lantainya tidak lebih dari 500 kaki persegi	50.00	35.00
(dd)	Penyimpanan daging dan hasil daging, ikan dan hasil ikan	120.00	84.00
(ee)	Kedai buah-buahan	120.00	84.00
(ff)	Grocer, kedai runcit:		
	(i) di mana kawasan lantainya melebihi 750 kaki persegi	240.00	105.00
	(ii) di mana kawasan lantainya lebih dari 500 kaki persegi tetapi kurang dari 750 kaki persegi	180.00	70.00
	(iii) di mana kawasan lantainya tidak lebih dari 500 kaki persegi	84.00	84.00
(gg)	Mana-mana kilang makanan atau tempat makanan yang akan ditetapkan oleh Lembaga Pembangunan Tioman dari masa ke semasa	120.00	84.00